

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 JUNE 2017

# Mahathir, Muhyiddin wajar bersihkan nama

EXCO Armada mahu 2 pemimpin PPBM perjas isu kekayaan anak, skandal dengan wanita

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**  
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seorang pemimpin Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) meminta Pengerusi Parti Prihumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden parti, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi penjelasan mengenai isu yang membelenggu mereka.

EXCO ARMADA, Muhammad Hafiz Azhar, berkata Dr Mahathir perlu memperjelaskan tuduhan mengenai kekayaan anak-anaknya yang diperoleh dalam masa singkat, manakala

Muhyiddin pula mengenai tuduhan skandal dengan seorang wanita.

Beliau berkata, penjelasan oleh kedua-dua pemimpin tertinggi parti itu perlu dibuat dengan segera demi menjaga imej dan nama baik PPBM.

"Kami orang muda mahu dipimpin oleh pemimpin yang telus dan bersih daripada amalan rasuah. Kami tidak suka apabila pemimpin parti kami dilempar dengan tuduhan rasuah dan salah guna kuasa.

"Justeru, kami meminta mereka memberi pencerahan segera bagi menangkis tuduhan itu, menjaga nama baik parti serta memberi pencerahan secara jelas kepada kami anak-anak muda. Kami perlukan jawapan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Muhammad Hafiz berkata, beliau sering diajukan soalan mengenai isu yang membelenggu Muhyiddin, tetapi tidak tahu bagaimana mahu menjawabnya kerana tidak mengenali wanita terbabit.

**Gagal dapat penjelasan**  
"Jadi saya minta Presiden tampil dan menafikan secara jelas skandal ini," katanya yang mendakwa, pernah beberapa kali cuba mendapatkan penjelasan mengenai isu itu termasuk di dalam kumpulan WhatsApp parti, namun tidak dijawab.

Malah, katanya, beliau juga tidak diberi peluang bertanya mengenai isu berkenaan pada mesyuarat atau perhimpunan yang diadakan PPBM.

"Saya berterus terang. Mula-mula dahulu kami memang bersemangat, tetapi lama kelamaan semangat dan keyakinan kami semakin berkurangan apabila isu ini tidak dapat dijawab.

"Ya bermaksud kita sendiri juga tidak bersih, dijanjikan satu perjuangan yang bersih, tetapi saya tidak nampak (perjuangan bersih) apabila isu sebegini pun tidak boleh dijawab," katanya.



Kami meminta mereka memberi pencerahan segera bagi menangkis tuduhan itu, menjaga nama baik parti serta memberi pencerahan secara jelas kepada kami anak-anak muda. Kami perlukan jawapan"

**Muhammad Hafiz Azhar,**  
EXCO ARMADA

BH - 11/6/2017  
pg. 17